

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 9 DISEMBER 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	ASM digesa manfaatkan peruntukan laksana kajian	Utusan Malaysia
2	Kajian untuk manfaat rakyat	Harian Metro
3	ASM diminta manfaat dana RM1.3b	Berita Harian
4	Album Hari Ini ((Anugerah Felo Kehormat ASM)	Utusan Malaysia
5	34 scientists get top award	The Sun
6	Malaysia sasar antara 10 negara terbaik dalam indeks daya saing global	Bernamea.com
7	Najib lawat Korea Selatan peringkat hubungan bilateral	Bernamea.com
8	Serangan siber ancaman serius	Utusan Malaysia
9	Peningkatan mendadak kes ancaman siber membimbangkan	Kosmo
10	Album Hari Ini (Peserta Luar Negara)	Utusan Malaysia
10	Ancaman siber meningkat mendadak sembilan bulan pertama tahun ini	Bernamea.com
11	Exploring rare earth potential	New Straits Times
12	Tujuh negeri dikenal pasti miliki nadir bumi	Berita Harian
13	Tujuh negeri dikenal pasti miliki nadir bumi: ASM	Bernamea.com
14	Hagupit jejas nelayan, perkapalan	Berita Harian
15	Amaran angin kencang, laut bergelora	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3
TARIKH: 9 DISEMBER 2014 (SELASA)

ASM digesa memanfaatkan peruntukan laksana kajian

KUALA LUMPUR 8 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak menggesa Akademi Sains Malaysia (ASM) memanfaatkan peruntukan sebanyak RM1.3 bilion kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada Bajet 2015 untuk menjalankan kajian akademi tersebut.

Perdana Menteri berkata, antaranya seperti Kajian Kerangka Sains Mega 3.0 yang melihat secara khusus terhadap model mampan dan tersusun dalam mentransformasikan landskap sains, teknologi serta inovasi di negara ini menjelang 2050.

"Saya difahamkan Kajian Kerangka Sains Mega 3.0 itu meliputi lima sektor tambahan melibatkan perabot, automatif, kreatif, pelancongan dan industri komposit serta plastik yang merupakan sektor penting kepada Malaysia," katanya ketika berucap dalam majlis Penganugerahan Felo 2014 dan Pengumuman Saintis Penyelidikan Terbaik Ma-

laysia (TRSM) di sini malam ini.

Yang hadir sama, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin dan Presiden ASM, Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali.

Pada majlis itu, Najib dianugerahkan Felo Kehormat ASM 2014 bagi mengiktiraf sumbangan besar beliau dalam bidang sains dan teknologi.

Pada tahun ini, dua Felo Kanan dan 21 Felo dikenal pasti untuk diiktiraf atas sumbangan dan kepimpinan dalam bidang masing-masing yang meletakkan Malaysia di barisan depan dalam komuniti saintifik antarabangsa.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memberitahu, peruntukan dalam Bajet 2015 yang disediakan kepada MOSTI adalah bagi melaksanakan beberapa program, antaranya menyasarkan 360 produk inovasi berimpak tinggi dikomersialkan dalam tempoh lima tahun akan datang.

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 16
TARIKH: 9 DISEMBER 2014 (SELASA)**

Kajian untuk manfaat rakyat

Kuala Lumpur: Akademi Sains Malaysia (ASM) digesa memanfaatkan sepenuhnya peruntukan yang disalurkan menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam Bajet 2015 untuk melakukan kajian yang memberi manfaat kepada rakyat.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, antaranya ialah Kajian Rangka Kerja Sains Mega yang memberi tumpuan kepada model yang mampan bagi mengubah landskap sains, teknologi dan inovasi

(STI) dalam tempoh 2010 hingga 2050.

"Saya difahamkan Sains Mega 3.0 merangkumi lima sektor tambahan membitkan industri plastik dan komposit, pelancongan, kreatif, automotif dan perabot.

"Semua ini sektor yang penting di Malaysia yang perlu dipupuk dan dibangunkan supaya dapat memberi manfaat maksimum," katanya ketika berucap di Majlis Penghargaan Felo dan pengumuman Saintis Penye-

lidikan Terbaik 2014, di sini, semalam.

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin dan Presiden Akademi Sains Malaysia Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Sempena majlis itu, Perdana Menteri dianugerahkan Felo Kehormat ASM 2014 sebagai penghargaan atas sokongan padu serta sumbangan besar diberikan terhadap bidang sains dan teknologi.

ASM diminta manfaat dana RM1.3b

Kuala Lumpur: Kerajaan menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi meminta Akademi Sains Malaysia (ASM) mengoptimalkan penggunaan RM1.3 bilion bagi penghasilan 360 produk inovatif berimpak tinggi yang boleh dikomersialkan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata sebanyak

RM290 juta daripada peruntukan yang diumumkan pada pembentangan Bajet 2015 lalu juga perlu digunakan untuk program pembangunan dan penyelidikan.

“Peruntukan berkenaan juga bagi menjenamakan semula SIRIM. Bagi tujuan itu, beberapa teknologi menaik taraf perusahaan kecil dan sederhana (PKS) akan dilaksanakan.

“Saya meminta akademi (ASM) menggunakan sepenuhnya peruntukan ini dalam projek mega yang penting untuk negara merangkumi bidang perabot, automotif, kreatif, pelancongan serta industri plastik dan komposit,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Penganugerahan Ahli Sains Penyelidik Tertinggi Malaysia

2014 di sini, semalam.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin dan Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali.

Pada majlis sama, Najib turut dianugerahkan Felo Kehormat ASM 2014 atas sokongan besar beliau terhadap bidang sains dan teknologi negara.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI) : MUKA SURAT 2
TARIKH: 9 DISEMBER 2014 (SELASA)



